



جامعة السلطان الشري夫 علي الإسلامية
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

Fakulti Syariah dan Undang-Undang Semester II, Sesi Akademik 2015/2016

Kertas Soalan Peperiksaan

Kod Kursus : SP 5306

Nama Kursus : Undang-Undang Kontrak Islam

Peringkat Kursus : Diploma Lepas Ijazah

Masa : 3 jam

Nota :

Jawab **EMPAT** soalan dari soalan-soalan berikut dan soalan **PERTAMA** adalah **WAJIB**.

Soalan Pertama (14 markah)

- (1) Keadilan merupakan satu-satu prinsip asas dalam muamalah Islam. Jelaskan maksud adil dengan mendatangkan dalil mengenainya dari al-Quran. (6 markah)
- (2) Apakah pengertian gharar menurut Sheikh Wahbah al-Zuhaily. Nyatakan jenis-jenis gharar bersama contoh bagi semua jenis gharar. (4 markah)
- (3) Bincangkan keterangan di bawah ini dengan ringkas;
- (a) Dhaman, hamalah, za'amah dan kafalah (2 markah)
- (b) Jual beli al-wadi'ah dan kontrak al-wadi'ah. (2 markah)

Soalan Kedua (12 markah)

Dalam perundangan Islam bukan semua orang boleh melakukan kontrak. Hanya orang yang berkelayakan boleh melakukannya. Huraikan kenyataan di bawah ini;

- (a) Maksud kelayakan, ahliyah al-wajib dan ahliyah al-ada serta had minimum umur kelayakan manusia menurut perspektif Islam. (5 markah)
- (b) Definisi kuasa pengawasan serta maksudnya. (4 markah)
- (c) kontrak dari sudut kelayakan dan kuasa pengawasan yang terbahagi kepada 3 keadaan. (3 markah)

Soalan Ketiga (12 markah)

(a) Jelaskan konsep pelaksanaan gadaian Islam yang telah diamalkan dalam perbankan Islam.

(6 markah)

(b) Bincangkan hukum bagi permasalahan di bawah ini mengikut prinsip Syariah;

i) Penggadai tidak mampu untuk membayar hutangnya sebanyak BND 5,000 lalu penerima gadaian menjual emas miliknya yang bernilai BND10,000 dan mengambil kesemua duit hasil jualan emas tersebut.

(3 markah)

ii) Penerima gadaian menggunakan gelang emas yang telah digadaikan serta menyewakan nya kepada orang lain.

(3 markah)

Soalan Keempat (12 markah)

Bincangkan perbezaan kontrak di bawah ini dan berikan dalil perundangan bagi setiap kontrak;

(a) Istisna' dan Ijarah

(4 markah)

(b) Mudharabah dan Murabahah

(4 markah)

(c) Khiyar Majlis dan Khiyar Syarat

(4 markah)

Soalan Kelima (12 markah)

(a) Ijma Ulama menyatakan keharusan kontrak sarf dari dulu hingga sekarang. Namun diletakkan syarat agar tidak terjebak dalam riba. Jelaskan syarat-syarat yang telah ditentukan oleh ulama Fiqh serta berikan hadis yang mengharuskan kontrak sarf.

(6 markah)

(b) Riba bukan sahaja berlaku dalam kontrak hutang, bahkan ianya juga boleh terjadi dalam transaksi jual beli. Berikan contoh riba dalam transaksi jual beli.

(2 markah)

(c) Interest dan Murabahah merupakan isu yang sering menjadi kekeliruan di kalangan masyarakat Islam. Bagaimanakah cara mengenali perbezaan antara keduanya.

(4 markah)

Soalan Keenam (12 markah)

(1) Bilakah hukum dua akad di haruskan dan bila pula ianya diharamkan.

(4 markah)

(2) Jelaskan al-Ijarah Thumma al-Bai' dan sertakan contoh proses pembelian konsep ini yang telah menjadi amalan bank Islam.

(4 markah)

(3) Huraikan pembahagian kafalah. Bolehkah penjamin mengenakan bayaran keatas orang yang dijaminnya?

(4 markah)

بالتوفيق والنجاح